

NAMA :

KELAS:


BAB3 : CUACA PERGERAKAN BUMI TERHADAP CUACA DAN IKLIM

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab **semua** soalan

3.1 Pergerakan Bumi


1. Berdasarkan **Rajah 1**, apakah pergerakan **X**?



Rajah 1

- A Pusingan bumi
- B Pergerakan bumi
- C Perjalanan bumi
- D Putaran bumi

2. Berdasarkan **Rajah 2** di bawah, apakah planet **X**?



Rajah 2

- A Musytari
- B Zuhul
- C Marikh
- D Uranus


3. Antara berikut, manakah yang benar tentang sistem suria?
- I Planet yang paling hampir dengan matahari ialah Neptun
 - II Sistem suria terdiri daripada matahari dan 8 buah planet yang utama.
 - III Planet beredar mengelilingi matahari mengikut orbit masing-masing
 - IV Pergerakan bumi dalam sistem suria berlaku melalui tiga cara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.2 Putaran Bumi

4. Antara berikut, manakah yang benar tentang putaran bumi?
- A Satu putaran adalah selama 48 jam
 - B Bumi berputar adalah dari arah barat ke timur
 - C Kecondongan paksi bumi ketika ia berputar ialah $32\frac{1}{2}^{\circ}$
 - D Bumi berputar ikut arah pusingan jam
5. Apakah kesan yang terjadi akibat putaran bumi?
- I Pembiasan angin lazim
 - II Kejadian siang dan malam
 - III Kejadian pasang surut air sungai
 - IV Berlaku kejadian empat musim
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
6. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena pasang surut air laut?
- A Faktor kuasa tarikan elektromagnet
 - B Faktor oleh daya koriolis ketika bumi berputar pada paksinya
 - C Faktor kesan tarikan graviti antara bumi dengan bulan atau matahari
 - D Faktor kesan peredaran bumi mengikut orbitnya

3.4 Putaran Bumi

7. Berdasarkan **Rajah 3** di bawah, pada kedudukan manakah hemisfera utara bumi mengalami musim dingin?



Rajah 3


- A P
B Q
C R
D S
8. Pada tarikh 21 Mac, kawasan hemisfera utara mengalami musim bunga. Apakah musim yang dialami oleh negara-negara di bahagian hemisfera selatan?
- A Musim bunga
B Musim panas
C Musim luruh
D Musim sejuk

9. Antara berikut, pernyataan manakah yang **benar** berkaitan sosis musim panas?

- I Kutub utara mengalami 24 jam siang, manakala kutub selatan pula 24 jam malam bermula 21 Jun
- II Fenomena ini berlaku bermula pada tarikh 22 Disember dan matahari pula berada tepat di atas garisan Khatulistiwa
- III Hampir semua kawasan di bumi mengalami tempoh siang dan malam yang sama panjang
- IV Matahari berada tegak di garisan sartin ($23 \frac{1}{2}^{\circ}\text{U}$) pada tempoh masa ini

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Berdasarkan **Rajah 4**, apakah yang berlaku di kawasan **X** ?



Rajah 4: Gerhana matahari

- A Berlaku gerhana matahari penuh di bumi
- B Bumi akan melindungi cahaya matahari dari terpancar ke bulan
- C Bulan akan menjadi gelap kerana ditutupi oleh bayang-bayang bumi
- D Berlaku gerhana matahari separa di bumi